Laporan Tahunan 1998



LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
KEMENTERIAN PERTANIAN MALAYSIA
FAMA
(Federal Agricultural Marketing Authority . Ministry of Agriculture Malaysia)

KANDUNGAN

Misi, Peranan Dan Strategi FAMA	2
Lembaga Pengarah FAMA	3
Pengurusan Kanan FAMA	5
Senarai Pejabat-Pejabat FAMA	6
Kalendar Peristiwa Sepanjang 1998	7
Perutusan Pengerusi	9
Pembangunan Pemasaran	12
Pemprosesan Pertanian	13
Pembangunan Rangkaian Pasaran	14
Pembangunan Saiz Pasaran	15
Program-Program FAMA	16
Maklumat Pasaran	
Pembangunan Kualiti Pasaran	
Kawalan Pasaran	
Program Pembangunan Rakyat Termiskin	
Pengurusan	18
Carta Organisasi FAMA	20
Penyata Kewangan 1998	22

Rasional Reka Bentuk

FAMA adalah sebuah organisasi yang sentiasa mengikut perkembangan semasa dan mencerna masa depan kemajuan pemasaran pertanian. Kepelbagaian aktiviti membangunkan sektor pertanian yang diusahakan dengan berbekalkan pengetahuan dan kepakaran, FAMA telah membantu negara dengan jayanya menuju alaf baru di dalam dunia serba kompleks.

MISI

Misi FAMA ialah untuk menjadi Agensi Pemasaran Pertanian Utama yang mampu bersaing, berdaya maju dan biayai diri dalam membangunkan dan memajukan pemasaran pertanian negara.

PERANAN

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah ditubuhkan di bawah Akta Parlimen 49, 1965 dan Akta Parlimen 141 (Pindaan) 1974. Peranan FAMA ialah untuk meningkatkan pembangunan pemasaran hasil pertanian segar dan barangan asas tani negara dan memaksimumkan pulangan kepada petani dan pengguna.

STRATEGI

Strategi FAMA bagi tahun 1998 adalah berasaskan kepada misi dan peranannya iaitu:

a) Memperbaiki sistem rangkaian pengedaran supaya lebih cekap dan berkesan

b) Meningkatkan persaingan dengan penglibatan FAMA dalam pengedaran

c) Menyertai dalam pemprosesan produk berasaskan pertanian

d) Memperbaiki pemasaran produk IKS bidang pertanian

e) Memperluaskan saiz pasaran di dalam dan di luar negeri

f) Memperbaiki maklumat pasaran dalam dan luar negeri

g) Menentukan kualiti hasil pertanian selaras dengan kehendak pasaran

h) Mengembangkan Masyarakat Perdagangan Dan Perindustrian Bumiputra (MPPB)

1. **Y.B. Dato' Hj. Badruddin bin Amiruldin**
   Pengerusi

2. **Y.Bhg. Dato' Abu Bakar bin Abdul Hamid**
   Ketua Pengarah
   (Sehingga 17 Jun 1998)

3. **En. Abi Musa Asa'ari bin Mohamed Nor**
   Ketua Pengarah
   (Mulai 22 Jun 1998)

4. **Y.B. Tn. Hj. Abdul Hamid bin Abd. Rahman**
   Ahli Lembaga

5. **Y.B. En. Ismail bin Hasbollah**
   Ahli Lembaga

6. **Y. Bhg. Dato' Hj. A. Rahim bin Rahmat**
   Ahli Lembaga

7. **Y.B. En. Akbar Khan bin Abdul Rahman**
   Ahli Lembaga

8. **En. Lim Heng Boon**
Wakil Kementerian Pertanian

9. **En. Subkey bin Abdul Wahab**
Wakil Kementerian Perusahaan Utama

10. **Cik Siaw Lean Sim**
Wakil Kementerian Perdagangan Antarabangsa
Dan Industri (MITI)

11. **Tn. Hj. Ismail bin Ibrahim**
Wakil Jabatan Pertanian

12. **En. Leong Ah Hin**
Wakil Kementerian Kewangan
(Sehingga November 1998)

13. **En. Omar Kaseh**
Wakil Kementerian Kewangan
(Mulai Disember 1998)

14. **Tn. Hj. Hasan bin Ismail**
Wakil Unit Perancang Ekonomi
Jabatan Perdana Menteri

1. **Y. Bhg. Dato' Abu Bakar bin Abdul Hamid**
   Ketua Pengarah
   (Sehingga 17 Jun 1998)

2. **En. Abi Musa Asa'ari bin Mohamed Nor**
   Ketua Pengarah
   (Mulai 22 Jun 1998)

3. **Tn. Hj. Haron bin A. Rahim**
   Pengarah Kanan
   Bahagian Pengurusan Dan Kewangan
   (Sehingga 31 Oktober 1998)
   Bahagian Pemasaran Barangan Segar
   (Mulai November 1998)

4. **En. Tang Loon Boon**
   Pengarah Kanan
   Bahagian Pemasaran Barangan Segar
   (Sehingga 7 Oktober 1998)

5. **Tn. Hj. Samah bin Hasan**
   Pengarah Kanan
   Bahagian Pemasaran Barangan Proses

6. **En. Sahbani bin Saimin**
   Pengarah Kanan
   Bahagian Pemasaran Luar Negeri
   (Sehingga 31 Oktober 1998)
   Bahagian Perkhidmatan Korporat
   (Mulai 1 November 1998)

7. **Pn. Hjh. Khafiah binti Rose**
   Pengarah Kanan
   Bahagian Pengurusan dan Kewangan
   (Mulai 1 November 1998)

SENARAI PEJABAT-PEJABAT FAMA

1. **Ibu Pejabat FAMA**
   Bangunan FAMA Point
   Lot 17304, Jalan Persiaran Satu
   Bandar Baru Selayang
   68100 Batu Caves
   Selangor Darul Ehsan
   Tel: 03-61389622
   Fax: 03-61383650/61385200

2. **Pejabat FAMA Negeri Perlis**
   No. 22, 24 & 26, Tkt. Atas, Jln. Simpang Tiga
   Taman Sena Indah, Persiaran Jubli Emas
   01000 Kangar, Perlis
   Tel: 04-9765615/9761513
   Fax: 04-9760564

3. **Pejabat FAMA Negeri Kedah**
   No. 101C, Kaw. Perusahaan Mergong
   Jln. Perak, 05150 Alor Setar
   Kedah Darul Aman
   Tel: 04-7319344/7319103/7319190
   Fax: 04-7335154

4. **Pejabat FAMA Negeri Pulau Pinang**
   No. 2442, Tkt. Perusahaan 1
   Kaw. Perusahaan Perai
   13600, Perai, Pulau Pinang
   Tel: 04-3907886/7222
   Fax: 04-3908107

5. **Pejabat FAMA Negeri Perak**
   No. 106B, Tkt. 2, Jalan Lahat
   30200 Ipoh, Perak Darul Ridzuan
   Tel: 05-2546322
   Fax: 05-2416545

6. **Pejabat FAMA Negeri Selangor**
   No. 6, Jln. Perusahaan 4,
   Lebuh Hisamuddin 1, Kaw. Perusahaan PKNS
   Bandar Sultan Sulaiman
   Selat Klang Utara, 42000 Pelabuhan Klang
   Selangor Darul Ehsan
   Tel: 03-3769270/71/72/73/75
   Fax: 03-3769276

7. **Pejabat FAMA Negeri Melaka**
   No. 30, 32A & B, Jalan Melaka Raya 20
   Taman Melaka Raya, 75000 Melaka.
   Tel: 06-2837760/2840450
   Fax: 06-2848173

8. **Pejabat FAMA Negeri Johor**
   KM 8, Jalan Tun Abdul Razak, Susur 6,
   Peti Surat 25, 80700 Johor Bahru
   Johor.
   Tel: 07-2341185/1186/1187
   Fax: 07-2341182

9. **Pejabat FAMA Negeri Sembilan**
   Tkt. 5, Bangunan Yayasan Negeri
   Jalan Yam Tuan, 70000 Seremban
   Negeri Sembilan.
   Tel: 06-7635797/7638959
   Fax: 06-7637466

10. **Pejabat FAMA Negeri Terengganu**
    Tkt. U3, Menara Permint, Jln. Sultan Ismail
    20200 Kuala Terengganu, Terengganu.
    Tel: 09-6224144/4191
    Fax: 09-6221606

11. **Pejabat FAMA Negeri Pahang**
    Kilometer 9, Jalan Gambang
    25150 Kuantan,
    Pahang Darul Makmur
    Tel: 09-5366110/6113/6114/6115
    Fax: 09-5366109

Bangunan Ibu Pejabat FAMA beralamat di Lot 17304, Jalan Persiaran Satu, Bandar Baru Selayang, Selangor Darul Ehsan.

12. **Pejabat FAMA Negeri Kelantan**
    Kompleks Bilik Sejuk FAMA
    Jln. Dato' Lundang
    15200 Kota Bharu, Kelantan.
    Tel: 09-7482431/7486548
    Fax: 09-7443030

13. **Pejabat FAMA Negeri Sabah**
    Tkt. 12, Wisma Bandaraya
    Jalan Padang, 88000 Kota Kinabalu
    Sabah.
    Tel: 088-225741/225742
    Fax: 088-223526

14. **Pejabat FAMA Negeri Sarawak**
    Lot 1003-1005, Seksyen 65
    KTLD Jalan Jawa
    Kampung Pinang Jawa Matang
    Peti Surat 1929, 93738
    Kuching, Sarawak
    Tel: 082-422578/414744
    Fax: 082-244551

ANAK SYARIKAT FAMA

15. **FAMA Corporation Sdn Bhd**
    No. 3, Jalan 2/8, Dataran Templer
    Bandar Baru Selayang,
    68100, Batu Caves, Selangor. Darul Ehsan
    Tel: 03-61351301/2/4/6
    Fax: 03-61351310

20hb. Januari	*	Majlis penyampaian paket serunding oleh Dato' Ketua Pengarah kepada Menteri Pertahanan Malaysia.
24hb. Januari	*	Pelancaran Pasar Tani Sempena dengan Dwi Perayaan di Kg. Simee, Ipoh, Perak oleh Y.B. Exco Pertanian Negeri Perak
10hb. Februari	*	Taklimat FAMA kepada Pengarah Eksekutif dan Jawatankuasa Kerja Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN)
13hb. Februari	*	Taklimat FAMA kepada Y.B. Menteri Pertanian Malaysia.
26hb. Februari	*	Perasmian Bangunan FAMA Point oleh Y.B. Menteri Pertanian Malaysia.
8hb. Mac	*	Majlis Pelancaran Pembukaan FR Shoppe, Taman Melati, Beseri, Perlis oleh Y.B. Exco Pertanian Negeri Perlis.
12hb. Mac	*	Promosi buah-buahan tempatan di Plaza Tol Subang oleh Y.B. Menteri Pertanian Malaysia.
15hb. Mei	*	Majlis menandatangani MOU Expo'99 Kunming, China di antara FAMA dan China.

"KALENDAR PERISTIWA YANG MENCATATKAN HARI-HARI BERSEJARAH AKTIVITI-AKTIVITI FAMA"

Perasmian bangunan FAMA Point

Y.B. Datuk Amar Dr. Suliman Hj. Daud merasmikan dan melancarkan 'Kempen Buah-buahan kerjasama FAMA dan PLUS.

Majlis menandatangani MOU antara wakil Kerajaan Negara China dan wakil dari FAMA Malaysia di 'Expo '99 Kunming, China'.

Majlis Perasmian Promosi Ikan Air Tawar Peringkat Kebangsaan oleh Y.B Menteri Pertanian

Majlis persaraan Y.Bhg. Dato' Abu Bakar Abdul Hamid, Ketua Pengarah

Jualan Buah-buahan Segar Sempena "Flora Fest '98" di Tapak Pasar Tani Jalan Ipoh Kuala Lumpur

Majlis Penyampaian Anugerah Khidmat Cemerlang FAMA '98 oleh Y.Bhg Dato' Annuar b. Maarof

Seminar Tahunan FAMA

Majlis Penutup Seminar Tahunan FAMA

28hb. Mei	*	Promosi Ikan Air Tawar di Kelana Seafood bersama Jabatan Perikanan/FAMA/ Kelana Seafood oleh Y.B. Menteri Pertanian Malaysia.
9hb. Jun	*	Majlis Persaraan Dato' Abu Bakar bin Abdul Hamid, Ketua Pengarah.
15hb. Jun	*	Lawatan ke Ibu Pejabat FAMA oleh usahawan-usahawan dari Brunei Darussalam.
1hb. Julai	*	Majlis taklimat bersama Ketua Pengarah FAMA baru En. Abi Musa Asa'ari bin Mohamed Nor.
15hb. Julai	*	Jualan buah-buahan dan Sayur-sayuran Sempena Pesta Flora di Tapak Pasar Tani, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur
4hb. Ogos	*	Hari Anugerah Khidmat Cemerlang FAMA 1998
6hb. Ogos	*	Perasmian Perayaan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Kebangsaan di Kelana Jaya oleh Y.B. Menteri Pertanian Malaysia.
12hb. September	*	Majlis Pelancaran Logo IKS Peringkat Negeri Perlis di Kiosk FAMA Kuala Perlis oleh Y.B. Menteri Besar Perlis.
13hb. Oktober	*	Taklimat FAMA mengenai ruang pasaran di bandar kepada semua Dato' Bandar dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran.
15hb. Disember	*	Seminar Tahunan FAMA di ILF, Port Dickson.

Y.B. DATO' HJ. BADRUDDIN B. AMIRULDIN

Dalam tahun 1998, negara mengalami kegawatan ekonomi yang mengakibatkan kenaikan harga beberapa barangan termasuk makanan, terutamanya yang diimport. Purata Indek Harga Pengguna (IHP) barang makanan (berdasarkan harga asas tahun 1994) meningkat sebanyak 8.9% bagi tahun 1998 berbanding 4.1% bagi tempoh yang sama tahun 1997. Susulan itu kerajaan telah mengambil langkah mengurangkan kesan kenaikan tersebut dengan menggalakkan pengguna-pengguna menggunakan barangan tempatan dan menanam sayur-sayuran dan buah-buahan untuk kegunaan sendiri. Usaha tersebut telah mendatangkan hasil dimana kenaikan harga sayur-sayuran tempatan dan buah-buahan adalah sederhana sebagaimana ditunjuk oleh Indek Komposit Harga Runcit (IKHR) untuk keseluruhan sayur-sayuran 9% dan buah-buahan 6%. Berdasarkan harga asas tahun 1994. Pecahan IKHR menurut kategori komoditi ialah sayur berdaun meningkat 11%, sayur berbuah meningkat 8%, cili meningkat 8% sementara sayur kekacang merosot 4%. Bagi buah-buahan, IKHR buah bermusim hanya meningkat 1% sementara buah tidak bermusim meningkat 7%. Kenaikan IKHR tersebut juga dipengaruhi kekurangan bekalan berikutan perubahan cuaca dari kesan fenomena "El Nino" semasa awal tahun 1998.

Bagi pasaran eksport, Malaysia terus meningkatkan dagangan di mana eksport buah-buahan segar/proses meningkat 17% (RM 302 juta dalam tahun 1998 berbanding RM 258 juta tahun 1997), sayur-sayuran segar/dingin/beku/proses meningkat 7% (RM 128 juta berbanding RM 120 juta) dan bunga-bunga segar 44% (RM 26 juta berbanding RM 18 juta).

FAMA telah meningkatkan pengedaran barangan makanan tempatan dan mempergiatkan galakan penggunaannya bagi menangani masalah kenaikan harga di samping mengenalpasti kepelbagaian sumber bekalan import yang lebih murah terutamanya dari negara-negara ASEAN. Usaha meningkatkan kecekapan pasaran dijalankan oleh FAMA dengan memperkenalkan Peraturan Perlabelan, Penggredan dan Pembungkusan Hasil-hasil Pertanian secara sukarela sebelum dikuatkuasakan dalam tahun 2000. Peraturan ini bertujuan mengurangkan kerosakan lepas tuai dan memudahkan rujukan aktiviti urusniaga yang akhirnya dapat mewujudkan sistem pasaran yang lebih telus.

Bagi pasaran eksport, FAMA terus melibatkan diri dalam mempromosikan buah-buahan, bunga-bungaan dan sayur-sayuran di pasaran antarabangsa melalui publisiti dan hantaran percubaan. Bagi mengekal dan memperluaskan pasaran, FAMA mengadakan skim penggredan buah-buahan bagi memastikan buah-buahan bermutu sahaja yang boleh dieksport.

Langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh FAMA adalah selaras dengan perakuan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).

Pembangunan Pemasaran - Pengedaran Makanan

FAMA menjalankan aktiviti pengedaran barangan segar dan proses bagi membolehkan pengguna memperolehi barangan dengan mudah dan pada harga yang munasabah serta pengeluar memperolehi pulangan yang berpatutan dari aktiviti mereka.

Di samping terlibat secara langsung dalam pengedaran, FAMA juga mengatur urusan jual beli antara perantara pasaran dengan pengeluar. Dianggarkan nilai urusniaga yang terlibat melebihi RM 100 juta setahun. FAMA juga telah terlibat menemukan pengimport dengan pengeksport sebagai usaha menerokai sumber import di pasaran baru iaitu Vietnam dan Myanmar bagi bekalan kubis dan bawang.

Usaha mempergiatkan jualan terus dari pengeluar kepada pengguna selaras dengan matlamat kerajaan menggalakkan pengwujudan sistem pemasaran selari (parallel system) sebagai usaha mengurangkan lapisan pasaran, terus dilaksanakan melalui program Pasar Tani dimana pengeluar memasarkan terus hasil mereka kepada pengguna. FAMA telah mengadakan mesyuarat dengan semua Dewan Bandaraya dan Majlis Perbandaran pada Oktober 1998 untuk mendapatkan banyak lagi ruang-ruang pasaran selaras dengan hasrat mengwujudkan sistem pemasaran yang selari.



"

DALAM TAHUN 1998

SEBANYAK 184 UNIT PASAR TANI

YANG MELIBATKAN SERAMAI 5,639

PESERTA TELAH MENJALANKAN

OPERASI DENGAN NILAI URUSNIAGA

RM 131.6 JUTA

"

Pelancaran Promosi Buah-buahan dengan kerjasama PLUS

Pasar Tani

Pasar Tani sebagai "Medan Pertemuan Pengeluar-Pengguna" telah banyak memberi faedah langsung kepada pengeluar (memahami pasaran, meningkatkan pendapatan dan sebagainya) dan pengguna (memperolehi barangan segar, pelbagaian barangan, harga munasabah dan sebagainya). Dalam tahun 1998 sebanyak 184 unit pasar tani (bertambah 29 unit berbanding 1997) yang melibatkan seramai 5,639 peserta (meningkatkan 18% berbanding 1997) telah menjalankan operasinya dengan nilai urusniaga RM 131.6 juta iaitu bertambah 19% berbanding tahun 1997 (RM 110.5 juta). Penyertaan Rakyat Termiskin (Hard Core Poverty) sebagai peserta Pasar Tani juga telah dapat dipertingkatkan iaitu seramai 700 orang berbanding 380 orang dalam tahun 1997. Usaha menambahkan kekerapan hari beroperasi telah dilaksanakan berperingkat-peringkat melalui kaedah mendapatkan tapak kekal dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan. Sehingga kini sebanyak 2 unit telah diperolehi. Peserta Pasar Tani juga telah dilibatkan dalam penjualan runcit ala pasar mini melalui kedai "Desaraya". Dalam tahun 1998, sebanyak 7 unit telah beroperasi yang melibatkan seramai 40 orang peserta. Usaha-usaha tersebut juga selaras dengan hasrat kerajaan mengwujudkan Masyarakat Perniagaan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB). Program penyertaan petani dalam pemasaran juga telah diperluaskan dengan menjalankan aktiviti pemborongan dimana sejumlah 5 buah Pasar Borong Tani/Pusat Jualan Borong telah beroperasi dalam tahun 1998 (tahun 1997 sebanyak 2 buah) dengan jualan RM 24.4 juta meningkat 20% berbanding tahun 1997 (RM 20.2 juta).

Pasaran Eksport

Dalam tahun 1998, FAMA menjalankan promosi pasaran melalui publisiti di media massa dan menghadkan penglibatan dalam pameran perdagangan yang utama sahaja selaras dengan langkah kerajaan mengurangkan lawatan ke luar negara. Dari segi kawalan mutu buah-buahan eksport, FAMA telah menggred buah belimbing sebanyak 2,171 tan metrik merosot 36% berbanding tahun 1997 (3,403 tan metrik) dan betik sebanyak 5,131 tan metrik meningkat 14% berbanding tahun 1997 (4,512 tan metrik).

Program-program Pembangunan Yang Lain

Program-program pembangunan yang dijalankan oleh FAMA dalam tahun 1998 termasuk Pengumpulan dan Penyebaran Maklumat Pasaran, Promosi Pasaran, Pengembangan Pasaran, Kawalan Pasaran, Pembangunan Kualiti Barangan, dan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (Makanan). Bagi program Pengumpulan dan Penyebaran Maklumat Pasaran, FAMA telah membantu pelbagai pihak dalam merancang, mengesan dan mengawal keadaan pasaran seperti mengesan maklumat harga di peringkat ladang, borong dan runcit; anggaran permintaan institusi dan pengilangan dan sebagainya. Bagi program Promosi Pasaran, sebanyak 217 kali aktiviti promosi dijalankan di seluruh negara bagi meningkatkan kesedaran dan minat pengguna kepada sayur-sayuran, buah-buahan, ikan air tawar, puyuh dan roselle. Untuk memudahkan pengguna memperolehi barangan yang digalakkan, sebanyak 40 unit kios promosi telah beroperasi di seluruh negara termasuk di Kawasan Rawat & Rehat di Lebuhraya Utara-Selatan. Dalam usaha FAMA meningkatkan amalan pemasaran yang menguntungkan semua pihak, FAMA telah mengadakan dailog dengan 800 perantara-perantara pasaran termasuk mengadakan rundingan bagi memperkenalkan Peraturan Perlabelan, Penggredan dan Pembungkusan Hasil-hasil Pertanian. FAMA juga telah membimbing seramai 100 pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (Makanan) bumiputera dalam pemprosesan dan pemasaran serta dapat menembusi pasaran di pasaraya dan hypermarket.

Pembangunan Sumber Manusia

Sumber manusia yang merupakan aset bernilai dalam sesuatu organisasi diberi tumpuan oleh FAMA. Dalam tahun 1998, FAMA telah memberi latihan kemahiran dan pengetahuan kepada pegawai dan kakitangan serta mengadakan Hari Q dan seminar KMK bagi meningkatkan prestasi dan menghargai sumbangan mereka.

Kewangan

Dalam tahun 1998, FAMA telah mendapat peruntukan pembangunan sejumlah RM 22.418 juta (termasuk peruntukan Program Pembangunan Rakyat Termiskin sebanyak RM 1.383

juta). Dari jumlah tersebut, 88% atau RM 19.723 juta telah dibelanjakan. Bagi peruntukan mengurus pula sebanyak RM 28.344 juta telah diberi oleh Kerajaan. Jumlah perbelanjaan adalah sebanyak RM 38.345 juta dimana sebanyak RM 10.001 juta telah dibiayai dari sumber dalaman FAMA.

Menangani Masalah Y2K

Sistem kewangan dan maklumat pasaran FAMA telah mengambilkira masalah Alaf Pepijat Tahun 2000 (Millennium Bug). Kesemua pembelian terdahulu dan yang akan datang bagi peralatan-peralatan yang berkaitan dengan sistem tersebut telah mengambilkira dan disahkan lulus ujian masalah pepijat Y2K oleh kesemua pembekal.

Pelbagai usaha telah dijalankan untuk mengelak segala implikasi-implikasi berpunca daripada masalah Y2K dan dengan usaha-usaha tersebut FAMA berkeyakinan bahawa kesannya jika kemungkinannya ada, amatlah minima. Pelan-pelan alternatif sedang dirangkakan bagi menghadapi dan mengatasi keadaan yang mungkin berlaku sekiranya pepijat alaf baru (millennium bug) tersebut menjejaskan infrastruktur IT FAMA.

Kos untuk mengatasi masalah Y2K tidaklah membebankan kerana sejak dari awal lagi pelan induk IT FAMA telah mengambilkira masalah pepijat Y2K dalam pembelian peralatannya.

Arah Masa Hadapan

FAMA akan terus melaksanakan program-program pembangunan bagi meningkatkan kecekapan sistem pemasaran hasil pertanian selaras dengan Dasar Pertanian Negara Ketiga (1998 - 2010). Program-program ini dilaksanakan secara seimbang dengan aktiviti-aktiviti urusniaga FAMA sebagai persediaan ke arah biaya diri di masa hadapan sebagaimana saranan kerajaan kepada semua badan-badan berkanun.

Penghargaan

Saya bagi pihak Lembaga merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang membantu FAMA menjalankan peranannya terutamanya Ahli-ahli Lembaga Pengarah, Pihak Pengurusan, Pegawai serta Kakitangan FAMA, Kementerian Pertanian, Agensi-agensi Pusat, Kerajaan-kerajaan Negeri dan sebagainya. Saya juga merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-ahli Lembaga yang telah tamat tempoh perkhidmatannya iaitu Y.B. En. Akbar Khan bin Abdul Rahman, En. Leong Ah Hin dan En. Hasan bin Ismail serta penghargaan yang tidak terhingga kepada Ketua Pengarah Dato' Abu Bakar bin Abdul Hamid yang bersara mulai Jun 1998. Saya juga mengalu-alukan perlantikan Ahli-ahli Lembaga baru iaitu En. Omar bin Kaseh dan Ketua Pengarah yang baru En. Abi Musa Asa'ari bin Mohamed Nor.

Y.B. Dato' Hj. Badruddin bin Amiruldin

"

FAMA

AKAN TERUS MELAKSANAKAN

PROGRAM-PROGRAM PEMBANGUNAN

BAGI MENINGKATKAN KECEKAPAN

SISTEM HASIL PERTANIAN

SELARAS DENGAN

DASAR PERTANIAN NEGARA KETIGA

1998 - 2010

"

Kelapa Yang di Import Dari Indonesia Pada 19hb Disember 1998 Tiba di Pusat Jualan Fama Alor Setar

"

FAMA

DALAM USAHA

PEMBANGUNAN & PENYELIDIKAN (R&D)

SERTA MENEROKAI PASARAN

TELAH MENGEKSPORT

BUAH-BUAHAN SEGAR

"

FAMA melaksanakan program pengedaran makanan melalui urusniaga yang bertujuan untuk membangunkan pemasaran barangan segar dan proses seperti buah-buahan, sayur-sayuran, ayam, susu, ikan air tawar, bunga-bungaan dan kelapa. Aktiviti yang dijalankan oleh FAMA ialah melalui urusniaga barangan segar yang dibeli dari petani dan barangan proses dari pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS) untuk dipasarkan kepada pengguna secara borong, runcit dan bekalan kepada pengilang.

Nilai urusniaga FAMA termasuk anak syarikat (FAMA Corporation Sdn. Bhd.) merosot sebanyak 2.1% iaitu RM 61.7 juta dalam tahun 1998 berbanding RM 63.0 juta dalam tahun 1997. Urusniaga FAMA merosot sebanyak 3.6% iaitu RM 34.6 juta berbanding RM 35.9 juta bagi tahun yang sama.

Cabaran utama FAMA di dalam urusniaga ini ialah bagi mendapatkan bekalan yang berterusan. Ini kerana FAMA tidak menguasai bekalan di ladang-ladang. Masalah kualiti hasil-hasil pertanian yang tidak konsisten juga merupakan masalah yang telah sekian lama dihadapi oleh FAMA. Masalah ini menjadi lebih kritikal terutamanya terhadap buah-buahan untuk dieksport. Bagi mengurangkan masalah mendapatkan bekalan yang berterusan dan berkualiti, FAMA mula mengadakan perjanjian ladang kontrak dengan petani atau ladang swasta yang berminat. Perjanjian ini akan memberi jaminan yang FAMA akan membeli hasil ladang tersebut di samping penanam pula berjanji tidak akan menjual hasilnya kepada orang lain.

FAMA dalam usaha Pembangunan dan Penyelidikan (R&D) serta menerokai pasaran telah mengeksport buah-buahan segar (belimbing, rambutan, manggis, jambu batu) bernilai RM 90 ribu iaitu merosot sekali ganda berbanding tahun 1997 (RM 180 ribu) dan bunga-bungaan (keratan okid, foliage) bernilai RM 102 ribu meningkat 3 kali ganda berbanding tahun 1997 (RM 39 ribu). Bagi buah-buahan, dua pasaran baru telah diterokai iaitu Peranchis dan Republik Maldives dengan memperkenalkan buah rambutan, belimbing, dan manggis. Di samping penerokaan pasaran baru, percubaan menghantar buah-buahan bukan tradisional telah juga dibuat seperti nangka, salak, jambu air dan ciku. Penerimaan pasaran terhadap buah-buahan ini masih lagi rendah kerana kurangnya pengetahuan pengguna terhadap komoditi tersebut. Bagi bunga-bungaan pula, FAMA telah mengeksport keratan okid segar ke pasaran United Kingdom. Walaupun kemerosotan nilai matawang negara sepatutnya menjadikan harga buah-buahan dan bunga-bungaan negara lebih kompetitif di pasaran antarabangsa, namun peningkatan kos tambang, kos kotak, dan kos perkhidmatan forwarding telah menjadikan kos pengeksportan meningkat.

FAMA juga membantu pengguna mendapat barangan kawalan terutama di musim perayaan seperti minyak masak, gula, susu pekat manis, tepung gandum, bawang, kentang dan ayam bagi mengurangkan tekanan akibat peningkatan permintaan musim perayaan yang tinggi. Pada musim "dwi perayaan" tahun 1998, sejumlah RM 906 ribu telah dipasarkan terdiri daripada ayam (66%) dan bakinya (34%) barangan kawalan.

Jualan Barang-barang Keperluan Sempena Hari Terbuka di Pusat Jualan Fama Sg Petani Kedah pada 12hb Disember 1998



FAMA terus memantapkan program-program khususnya dalam memajukan IKS Makanan dan membangunkan pemasaran makanan proses halal di pasaran dalam dan luar negeri secara agresif bagi meningkatkan nilai tambah hasil pertanian. Penglibatan FAMA dalam hal ini lebih kepada pembangunan produk, pembangunan rangkaian pemasaran dan pembangunan keusahawanan.

Sepanjang tahun 1998, FAMA telah berjaya membangunkan 471 orang usahawan melalui program pembangunan usahawan. Program berkenaan telah dapat membantu mempertingkatkan mutu barangan keluaran pengusaha IKS untuk pasaran. FAMA turut membantu dan memasarkan barangan keluaran IKS di pasaraya dan hypermarket. FAMA telah menganjurkan sesi seminar dan dailog dari masa ke semasa untuk meningkatkan pengetahuan dan pengalaman pengusaha IKS ke arah pemantapan pengeluaran selaras dengan permintaan pelanggan.

Bagi mempelopori aktiviti pemprosesan produk-produk baru, FAMA melibatkan diri dalam bidang tersebut melalui Pusat Memproses Makanan FAMA di Kuala Selangor, Selangor, Rengit, Johor dan Bachok, Kelantan.

Untuk tahun 1998 Pusat Memproses Makanan FAMA Kuala Selangor telah menambahkan pengeluaran Tepung Berempah Serbaguna dan pelbagai jenis rempah dengan nilai RM 286,714.81 meningkat 17.5% berbanding dengan nilai keluaran tahun 1997. Nilai jualan bagi tahun 1998 adalah sebanyak RM 240,638.74.

Pengeluaran Pusat Memproses Makanan FAMA Rengit dalam tahun 1998 terus meningkat sebanyak 81.3% kepada RM 640,422.47 berbanding tahun 1997 dengan nilai pengeluaran RM 353,314.94. Produk utama keluaran ialah Seri Kaya Madu, Jem Buah-buahan Tropika seperti nenas, pink guava, belimbing, roselle, mangga, betik, durian belanda dan kerisik serta kaya cup. Nilai jualan produk sebanyak RM 529,793.94 meningkat 28% berbanding 1997 dengan nilai jualan RM 415,135.05.

Pengeluaran Pusat Memproses Makanan FAMA di Bachok, Kelantan bagi tahun 1998 bernilai RM 280,439.33 meningkat 68% berbanding tahun 1997 bernilai RM 167,274.16. Nilai jualan yang dicapai untuk tahun 1998 adalah sebanyak RM 278,042.55, terus meningkat 97% berbanding tahun 1997 bernilai RM 141,311.32.

Tahun 1998 merupakan tahun perubahan bagi seluruh Pusat Memproses Makanan FAMA kerana telah mencatatkan peningkatan yang memuaskan dari segi nilai pengeluaran dan jualan. Peningkatan ini adalah berdasarkan pengembangan aktiviti pemasaran FAMA termasuklah kecekapan pengedaran FAMA untuk memenuhi peningkatan permintaan terhadap barangan keluaran FAMA (dengan jenama AGROMAS) oleh pengguna di seluruh Malaysia.

Proses Kawalan Mutu di Pusat Memproses Makanan FAMA di Kuala Selangor, Selangor



Penyertaan FAMA Dalam Pameran APEC '98 di Mines Resorts

"

SEHINGGA TAHUN 1998,

FAMA MEMPUNYAI

DUA BUAH PASAR TANI BORONG

YANG BEROPERASI DI

PUCHONG DAN SELAYANG, SELANGOR.

JUMLAH JUALAN YANG DICATATKAN

PADA TAHUN 1998

BERNILAI RM 22.33 JUTA

"

Bagi meningkatkan pembangunan pemasaran, rangkaian yang mantap untuk memasarkan hasil keluaran petani adalah sangat perlu. Dengan itu FAMA telah mewujudkan rangkaian premis jualan seperti Pasar Tani dan Pasar Tani Borong serta memperkukuhkan aktiviti perolehan di ladang melalui Pusat Pengumpulan Ladang (PPL).

Pasar Tani

Pasar Tani merupakan medan pertemuan antara pengeluar dan pengguna. Pasar Tani FAMA telah ditubuhkan sejak tahun 1985 terus memainkan peranan yang penting sebagai salah satu institusi pemasaran yang menyumbangkan kepada pembangunan pemasaran pertanian terutamanya yang melibatkan petani-petani kecil. Ianya juga memberi faedah kepada pengguna kerana margin pasaran dapat dikurangkan melalui pengurangan lapisan pasaran (tanpa melalui perantara pasaran).

Pada tahun 1998 sebanyak 184 Pasar Tani telah beroperasi berbanding 1997 sebanyak 155 buah. Pertambahan ini adalah kesan dari kepercayaan orang ramai tentang keupayaan Pasar Tani FAMA dalam membendung inflasi dan menjamin bekalan barangan kepada pengguna terutamanya di musim perayaan. Jumlah peserta yang terlibat adalah 5,639 orang meningkat 865 orang berbanding dengan tahun 1997. Nilai jualan yang dapat dipasarkan terus kepada pengguna di Pasar Tani adalah sebanyak RM 131.56 juta berbanding RM 110.54 juta tahun 1997.

Pasar Tani Borong

Matlamat utama pembangunan Pasar Tani Borong adalah untuk mempertingkatkan keupayaan petani-petani menyertai bidang pemasaran hasil-hasil pertanian khususnya petani yang lebih berdaya maju yang memerlukan peluang untuk memasarkan hasil-hasil pertanian secara pukal dan berterusan.

Sehingga tahun 1998, FAMA mempunyai dua buah Pasar Tani Borong yang beroperasi di Puchong dan Selayang, Selangor. Jumlah jualan yang dicatatkan pada tahun 1998 bernilai RM 22.33 juta melibatkan 46 orang peserta berbanding tahun 1997 jumlah jualan bernilai RM 20.2 juta melibatkan 46 peserta. FAMA juga telah mewujudkan tiga Pusat Jualan Borong di Kompleks Bilik Sejuk Sg. Petani dan Alor Star, Kedah serta Kompleks Bilik Sejuk Tampoi, Johor. Nilai jualan yang dicapai bagi tahun 1998 adalah bernilai RM 2.10 juta.

Pusat Pengumpulan Ladang

Pusat Pengumpulan Ladang FAMA (PPL) yang menjadi pusat pengumpulan dan juga sebagai pusat pembangunan di peringkat ladang diwujudkan untuk menggalakkan petani mencebur diri dalam pengeluaran hasil pertanian terutamanya sayur-sayuran secara komersial dan berterusan. Sehingga tahun 1998, terdapat 41 unit PPL telah diwujudkan di seluruh negara melibatkan 1,162 orang peserta merosot 22 unit berbanding tahun lalu disebabkan terdapat beberapa PPL yang tidak aktif telah ditutup berikutan dari keadaan pengeluaran yang berubah.

Kerja-kerja Pembungkusan Cili Sedang Dijalankan Untuk Pasaran Ekspor

Cara Pembungkusan Sayur-sayuran Yang Betul Untuk di Pasarkan

Jualan Terus di Pasar Tani

Bagi memperluaskan saiz pasaran dalam dan luar negeri, FAMA melaksanakan program promosi yang bertujuan meningkatkan permintaan barangan yang digalakkan.

Program Promosi Dalam Negeri

Bagi tahun 1998, FAMA telah memberi tumpuan kepada komoditi seperti buah-buahan, sayur-sayuran, roselle, ikan air tawar dan burung puyuh.

FAMA telah melaksanakan aktiviti promosi buah-buahan tempatan di seluruh negara sebanyak 55 kali. Pelancaran kempen peringkat nasional telah dilaksanakan oleh Y.B. Menteri Pertanian Malaysia pada bulan Mac di Plaza Tol Subang. Sempena dengan pelancaran ini, pelekat kereta telah diedarkan kepada pengguna-pengguna lebuhraya PLUS sebagai usaha mengajak mereka makan lebih buah-buahan tempatan. Di samping itu, FAMA telah melaksanakan jualan promosi buah-buahan di 9 lokasi sepanjang lebuhraya PLUS Utara - Selatan.

FAMA juga telah melancarkan program kempen Ikan Air Tawar Fasa III di Restoran Kelana Seafood di Kelana Jaya, Selangor pada bulan Mei 1998. Pelancaran ini telah disempurnakan oleh Y.B. Menteri Pertanian Malaysia di mana kempen ini telah dijalankan dengan usahasama Jabatan Perikanan dan Restoran Kelana Seafood. Program ini diikuti dengan kempen-kempen yang telah dilaksanakan di peringkat negeri sebanyak 50 kali.

Sepanjang tahun 1998, FAMA telah menjalankan sebanyak 14 kali kempen Roselle, 54 kali kempen Burung Puyuh, 44 kali kempen Sayur-sayuran dan Ulam-ulaman di peringkat negeri dan daerah.

Gerai Jualan FAMA

Projek gerai jualan FAMA didirikan bertujuan untuk mempromosikan produk-produk berasaskan hasil pertanian yang digalakkan penggunaannya oleh Kerajaan seperti kempen galakan makan sayur-sayuran dan buah-buahan tempatan, roselle dan makanan eksotik seperti burung puyuh, ikan air tawar dan lain-lain. Ianya juga bertujuan untuk mewujudkan satu sistem pengurusan perniagaan makanan yang seragam dan lebih komersial di samping untuk membangunkan usahawan-usahawan baru di dalam sistem pemasaran.

Sehingga Disember 1998, FAMA mempunyai 40 buah gerai runcit yang beroperasi di seluruh negara seperti berikut:-

	JENIS	UNIT
i.	FR Shoppe	3
ii.	FR Kios	9
iii.	F & F Lazaria	4
iv.	Mudaria	5
v.	Segaria	5
vi.	Malaysia Fresh	4
vii.	Gerai-gerai Lain	3
viii.	Desaraya	7

Program Promosi Luar Negeri

FAMA telah mengambil bahagian dalam pameran-pameran antarabangsa di dalam negara termasuk Sympo ' 98 (bersempena Sukan Komanwel) di Kompleks Sukan Bukit Jalil, dan APEC '98 bersempena persidangan APEC' di Mines Resort.

FAMA juga telah mengadakan lawatan perdagangan ke luar negeri termasuklah Lawatan Menterai Perjanjian penyertaan Di Expo' 99 di Kunming, China pada 23 - 27 Mac 1998; Lawatan Penerangan Pra - Pameran Expo' 99 di Kunming, China Pada 25 - 27 Ogos 1998; dan Lawatan Kerja ke Republik Mozambique pada 29 - 31 Julai 1998.

Pertandingan Memasak Ikan Air Tawar di Kelana Seafood

Kegawatan ekonomi yang dialami negara dan dunia sejagat menyebabkan FAMA lebih menumpukan kepada mempromosikan hasil pertanian melalui publisiti dan iklan. Ini telah dilaksanakan dengan memuatkan iklan dalam majalah keluaran Malaysia Airline System iaitu 'GOING PLACES' yang diedarkan kepada penumpang pesawat MAS, di samping papan-papan iklan di Lapangan Terbang Antarabangsa di KLIA dan Langkawi. Selain dari itu, iklan melalui penayangan pita video mengenai buah-buahan tempatan telah juga disiarkan di Lapangan Terbang KLIA.

Kempen Ikan Air Tawar di Kelana Seafood

Penyertaan FAMA di Sympo '98 Sempena Sukom '98

Pameran Buah-buahan Tempatan Sempena Sukom '98 di Stadium Bukit Jalil

Penyertaan FAMA dalam Pameran APEC '98 di Mines Resorts

PROGRAM-PROGRAM PEMBANGUNAN FAMA YANG LAIN

Program-program pembangunan FAMA yang lain adalah seperti Maklumat Pasaran, Pembangunan Kualiti Pasaran, Kawalan Pasaran dan Program Pembangunan Rakyat Termiskin.

MAKLUMAT PASARAN

Program maklumat pasaran dijalankan secara berterusan oleh FAMA untuk memberi faedah kepada golongan sasar. Antara aktiviti yang telah dijalankan melibatkan semua negeri ialah membekalkan maklumat harga. Ini membolehkan petani-petani mencari pasaran yang lebih menguntungkan dan juga untuk membantu kerajaan dalam usaha mengawal keadaan inflasi.

FAMA juga telah membekalkan maklumat penggunaan yang secara langsung dapat membantu FAMA dan kerajaan mengkaji permintaan dan potensi pasaran bagi barangan di bawah penyeliaan FAMA. Dalam tahun 1998, FAMA telah menjalankan kajian penggunaan kilang dan institusi.

Maklumat mengenai keadaan bekalan juga mula disediakan oleh FAMA melalui kajian di pasar borong. Kajian ini dimulakan akhir tahun 1998, di Pasar Borong Kuala Lumpur bagi memberi gambaran mengenai bekalan dan permintaannya, turun-naik harga dan sebab-sebab mengapa permintaan dan bekalan berkurangan/bertambah.

FAMA juga telah membekalkan maklumat kos dan margin pemasaran bagi membantu petani-petani memilih jenis tanaman yang menguntungkan.

Maklumat serta data yang diperolehi dianalisis dan disebarkan melalui Internet ("Agrolink", Kementerian Pertanian), penerbitan dan juga media massa untuk kegunaan kumpulan sasar yang berkenaan dan bagi tujuan perancangan projek yang berkaitan dengan pertanian.

PEMBANGUNAN KUALITI PASARAN

Kualiti barangan menjadi faktor penting dalam pemasaran. FAMA mengambil langkah meningkatkan kualiti barangan hasil melalui aktiviti pembangunan gred dan pembangunan barangan segar dan proses.

Pembangunan Gred

Antara aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang 1998 adalah:-

a) Kajian status kualiti 7 komoditi untuk pembentukan gred (pisang, rambutan, limau bali, limau manis, kangkung, sawi dan bayam).

b) Pembentukan gred bunga-bungaan orkid, rose, carnation dan chrysan themum melalui jawatankuasa penggredan bunga-bungaan.

c) Penyediaan bahan publisiti gred seperti folder, risalah, poster dan slide

Taklimat skim menggred hortikultur (untuk pasaran tempatan) telah diadakan di Kelana Jaya, Temerloh, Rompin, Batu Pahat, Mata air, Beseri dan Port Kelang. Manakala taklimat penggredan bunga-bungaan telah diadakan di Cameron Highlands dan Johor Bharu.

Pembangunan Kualiti Hasil Segar

FAMA telah mengadakan simulasi hantaran sayur-sayuran berdaun dan hantaran percubaan sayur-sayuran berdaun serta bunga-bungaan.

FAMA juga telah melakukan kajian kerosakan lepastuai 15 komoditi yang terdiri dari kailan, salad tanah rendah, timun, ketola, cili merah, terung peparu, keledek, kacang buncis, kangkung, bayam, sawi, kubis bulat, kubis panjang dan tomato. FAMA juga terlibat dalam pembangunan ulam-ulaman untuk pasaran runcit.

Pembangunan Kualiti Hasil Proses

Aktiviti yang dijalankan adalah:

a) Pelaksanaan sistem kualiti ISO 9000 di Kilang Seri Kaya Madu, Rengit sehingga peringkat " Internal Audit Quality" dan "Adequacy Audit".

b) Penilaian produk sejuk beku dari pengusaha IKS.

c) Kajian pembaikan produk dan jangkahayat serunding di Kilang Bachok dan rempah di Kilang Tepung Serbaguna, Kuala Selangor.

d) Prosidur penilaian dan pemantauan pengusaha IKS

e) Percubaan menyejuk beku coconut shake.

Faedah dari aktiviti yang dijalankan telah dapat meluaskan saiz pasaran peringkat domestik dan antarabangsa untuk keluaran hasil hortikultur Malaysia (untuk barangan segar) dan pengusaha (untuk barangan IKS) akan memperolehi harga yang lebih baik untuk hasil mereka.

Walau bagaimanapun, petani serta pemasar hasil pertanian seperti pemborong dan peruncit masih belum memahami faedah-faedah yang akan diperolehi dari pengenalan gred dan standard untuk hasil-hasil pertanian. FAMA terus meningkatkan usaha-usaha ke arah kesedaran mereka tentang kebaikan skim gred/standard untuk hasil-hasil pertanian dan perlu digiatkan dengan lebih intensif. Pengguna juga perlu diingatkan supaya membeli barangan yang berkualiti walaupun harganya adalah tinggi sedikit berbanding barangan ' sub-standard' yang menjadi pilihan pengguna masa kini.

KAWALAN PASARAN

Skim Kawalan Pasaran FAMA bertujuan untuk mengatur dan mengawal aktiviti pemasaran terutama di peringkat ladang bagi hasil-hasil pertanian seperti kelapa, sayur, kopi dan buah-buahan. Sejumlah 2,277 lesen telah dikeluarkan bagi komoditi di atas berbanding 2,378 pemegang lesen pada tahun 1997.

Di bawah Skim Kuota Import, jumlah import kubis yang dibenarkan pada tahun 1998 adalah 37,161 tan metrik berbanding 33,616 tan metrik tahun 1997. AP (Kuota) biji kopi yang dibenarkan import adalah sebanyak 23,155 tan metrik bagi menambah nilai melalui aktiviti pengilangan kopi segera dan kopi tempatan.

PROGRAM PEMBANGUNAN RAKYAT TERMISKIN (PPRT)

Program Pembangunan Rakyat Termiskin diwujudkan oleh Kerajaan khusus bagi meningkatkan tahap ekonomi golongan termiskin secara terancang. Golongan yang dimasukkan di dalam program ini adalah mereka yang berpendapatan di bawah RM 350/bulan dan disenaraikan dalam daftar dan pembangunan keluarga termiskin 1993.

Konsep yang diperkenalkan adalah membantu peserta-peserta meningkatkan pendapatan melalui usaha-usaha mereka sendiri. Bantuan yang disediakan adalah berbentuk pinjaman peralatan, khidmat nasihat/kaunseling, latihan kemahiran, bahan-bahan input pertanian, luang pasaran dan lain-lain. Satu langkah yang telah diambil oleh KPLB ialah menetapkan garis panduan baru PPRT di mana bantuan kebajikan secara langsung dan menumpukan projek-projek yang menambahkan pendapatan. Strategi yang terkini untuk menghadapi kegawatan ekonomi ialah dengan meningkatkan pengeluaran barang makanan supaya dapat mengurangkan import. Di antara kaedah yang ditekankan ialah semua projek dilaksanakan secara berkelompok dan hendaklah melibatkan sektor swasta, agensi kerajaan dan syarikat kerajaan.

Bagi tahun 1998, FAMA telah melaksanakan pendekatan baru yang disyaratkan oleh KPLB agar projek-projek PPRT lebih berdaya tahan, berdaya maju, mempunyai prospek pasaran dan berpotensi untuk berkembang ke arah komersialisasi. Sejajar dengan itu, bengkel PPRT telah diadakan bagi menjelaskan dasar-dasar KPLB di samping mengadakan sesi penyediaan kertas projek kepada pegawai-pegawai yang terlibat dalam PPRT di peringkat negeri dan Ibu Pejabat. FAMA telah mengenalpasti projek-projek yang berdaya maju dan mempunyai prospek pasaran seperti projek tanaman roselle, ayam daging, memproses hasil laut, ternakan puyuh dan tanaman bungaan lanskap di lokasi yang telah ditentukan.

Lawatan Perdagangan Dari Luar Negara ke FAMA

"PROGRAM-PROGRAM PEMBANGUNAN FAMA SEPERTI MAKLUMAT PASARAN, PEMBANGUNAN KUALITI PASARAN, KAWALAN PASARAN DAN PROGRAM PEMBANGUNAN RAKYAT TERMISKIN TELAH MEMBERI BANYAK FAEDAH KEPADA GOLONGAN SASAR"

Bunga-bungaan segar

Jualan Promosi Produk FAMA Sempena HPPNK '98 di Stadium Bukit Jalil

Pengurusan merupakan program khidmat sokongan yang penting dalam merealisasikan program-program pembangunan yang telah, sedang dan akan dilaksanakan. Dalam pertengahan tahun 1998, FAMA telah mengubahsuai carta organisasi yang terdiri daripada empat bahagian utama iaitu Bahagian Pemasaran Barangan Segar, Bahagian Pemasaran Barangan Proses, Bahagian Perkhidmatan Korporat dan Bahagian Pengurusan Dan Kewangan.

Majlis Perasmian Konvensyen Kumpulan Meningkat Mutu Kerja (KMK) Peringkat FAMA '98

Kumpulan Meningkat Mutu Kerja (KMK)'98 Negeri Sembilan Sedang Membuat Persembahan

Ikrar Sempena Hari Q

Pameran IT Sempena Hari Q

Perjawatan

Jumlah kakitangan FAMA sehingga 31 Disember 1998 adalah seramai 1484 orang. Pecahan mengikut kategori adalah seperti berikut:

Kategori	Bil. Jawatan	Bil Diisi	Bil. Kekosongan
Kumpulan Pengurusan Tertinggi (Gred Utama C)	1	1	-
Kumpulan Pengurusan Dan Profesional	101	93	8
Kumpulan Sokongan	1,601	1,390	211
JUMLAH	1,703	1,484	219

Latihan

